



KERAJAAN MALAYSIA

**Piawaian Perakaunan Islam
bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW)**

PPIBZW

Panduan Pelaksanaan – Hasil, Belanja dan Liabiliti
Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar
Jangka

November 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau ditukar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh undang-undang atau di bawah terma yang dipersetujui dengan organisasi yang mempunyai hak reprografi.

Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diguna pakai oleh Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

Disediakan dan diterbitkan oleh:
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000
Web : <https://www.anm.gov.my>

KANDUNGAN

Muka Surat


Seksyen 25 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka	1
Ilustrasi Pokok Keputusan	1
Panduan Pelaksanaan	2
Pengkirtifan Peruntukan	2
Waranti	2
Tanah Tercemar – Undang-undang Hampir Pasti akan Digubal	3
Pencemaran dan Obligasi Konstruktif	3
Kuari Kelikir.....	4
Polisi Bayaran Balik.....	5
Penutupan Bahagian – Tiada Pelaksanaan sebelum Tarikh Pelaporan	5
Penggunaan Khidmat Luar bagi Bahagian – Pelaksanaan sebelum Tarikh Pelaporan	6
Keperluan Undang-undang bagi Memasang Penapis Udara	6
Latihan Semula Kakitangan Akibat Perubahan dalam Tatacara Pengurusan Zakat	7
Kontrak Membebankan	8
Jaminan Tunggal	8
Kes Mahkamah.....	9
Pembaikan dan Penyelenggaraan	10
Kos Pembersihan – Tiada Keperluan Undang-undang	10
Kos Pembersihan – Keperluan Undang-undang	11
Pendedahan.....	11
Pengecualian Pendedahan	13
Contoh Risiko dan Ketidakpastian	14
Nilai Kini Peruntukan.....	14

Seksyen 25 – Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka

Ilustrasi Pokok Keputusan

Pokok keputusan ini hanyalah lampiran dan bukan sebahagian daripada Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka.

Nota: Dalam sesetengah kes, tidak jelas sama ada wujudnya obligasi kini atau tidak. Dalam kes ini, peristiwa lampau dianggap menimbulkan obligasi kini jika, setelah mengambil kira semua bukti yang ada, obligasi kini berkemungkinan besar wujud pada tarikh pelaporan (Seksyen 25.21).



Panduan Pelaksanaan

Panduan ini hanyalah lampiran dan bukan sebahagian daripada Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka & Aset Luar Jangka.

Pengiktirafan Peruntukan

- PP1. Semua entiti dalam contoh yang dinyatakan mempunyai tarikh pelaporan pada 31 Disember. Dalam semua kes, diandaikan bahawa anggaran boleh percaya dapat dibuat bagi apa-apa aliran keluar yang dijangka. Dalam sesetengah contoh, keadaan yang digambarkan mungkin telah menyebabkan penjejasan nilai aset – hal ini tidak dibincangkan dalam contoh yang dinyatakan.
- PP2. Rujukan silang yang dinyatakan dalam contoh menunjukkan Seksyen yang sangat relevan dalam Piawaian ini. Panduan ini hendaklah dibaca dalam konteks teks penuh Piawaian ini.
- PP3. Rujukan kepada “anggaran terbaik” ialah amaun nilai kini, apabila kesan nilai masa wang adalah material.

Waranti

- PP4. Entiti A mengeluarkan peralatan mencari dan menyelamatkan untuk kegunaan entiti dan untuk dijual kepada umum. Semasa peralatan dijual, pihak entiti memberikan waranti kepada pembeli berkaitan dengan produk tertentu. Di bawah syarat jualan, entiti A mengaku janji untuk membetulkan, sama ada dengan membaiki atau menggantikan, kerosakan pengilangan yang timbul dalam tempoh tiga tahun dari tarikh jualan. Berdasarkan pengalaman lampau, terdapat kebarangkalian (iaitu besar kemungkinan) tuntutan akan dibuat di bawah waranti tersebut.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau - peristiwa berobligasi tersebut ialah jualan produk dengan waranti, yang menimbulkan obligasi undang-undang.

Terdapat kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian untuk waranti secara keseluruhannya (rujuk Seksyen 25.31).

Kesimpulan

Peruntukan diiktiraf untuk anggaran terbaik bagi kos membetulkan kerosakan di bawah waranti bagi produk yang dijual pada atau sebelum tarikh pelaporan (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.31).

Tanah Tercemar – Undang-undang Hampir Pasti akan Digubal

PP5. Entiti memiliki sebuah gudang di atas tanah berdekatan pelabuhan. Entiti mengekalkan pemilikan tanah tersebut kerana ia mungkin memerlukan tanah untuk mengembangkan operasi pelabuhan pada masa hadapan. Sepanjang sepuluh tahun yang lalu, sekumpulan peladang telah memajak hartanah tersebut sebagai kemudahan stor bahan kimia pertanian. Kerajaan mengumumkan hasrat untuk menggubal undang-undang alam sekitar yang menghendaki pemilik hartanah menanggung liabiliti pencemaran alam sekitar, termasuk kos membersihkan tanah yang tercemar. Berikutan tersebut, entiti memperkenalkan polisi berkaitan bahan kimia berbahaya dan mula menggunakan polisi ini untuk aktiviti dan hartanahnya. Pada peringkat ini, ternyata bahan kimia pertanian tersebut telah mencemarkan tanah di sekeliling gudang tersebut. Entiti tidak boleh menuntut kos pembersihan daripada kumpulan peladang tersebut atau syarikat takafulnya. Pada 31 Disember 20X1, hampir pasti bahawa satu draf undang-undang yang menghendaki tanah tercemar dibersihkan akan dikuat kuasa tidak lama selepas akhir tahun.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau - peristiwa berobligasi tersebut ialah pencemaran tanah disebabkan wujudnya undang-undang yang hampir pasti menghendaki pembersihan.

Terdapat kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian.

Kesimpulan

Peruntukan diiktiraf untuk anggaran terbaik kos pembersihan (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.28).

Pencemaran dan Obligasi Konstruktif

PP6. Entiti menerbitkan polisi alam sekitar yang mengandungi aku janji dalam visinya untuk membersihkan segala pencemaran yang berpunca daripadanya. Entiti terbukti mematuhi polisi yang diterbitkan ini. Tiada undang-undang alam sekitar yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa ini. Semasa latihan tentera laut, sebuah kapal telah mengalami kerosakan dan mengakibatkan kebocoran minyak yang besar. Entiti bersetuju untuk membayar kos untuk pembersihan segera dan kos berikutnya bagi memantau dan membantu haiwan marin dan burung.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau - peristiwa berobligasi tersebut ialah pencemaran alam sekitar, yang menimbulkan obligasi konstruktif kerana polisi dan tindakan entiti sebelum tersebut telah mewujudkan jangkaan sah bahawa entiti akan membersihkan pencemaran tersebut.

Terdapat kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian.

Kesimpulan

Peruntukan diiktiraf untuk anggaran terbaik kos pembersihan (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.28).

Kuari Kelikir

PP7. Anak syarikat entiti mengusahakan kuari kelikir di atas tanah yang dipajaknya secara komersial daripada syarikat sektor persendirian. Kelikir tersebut digunakan untuk pembinaan bangunan. Perjanjian dengan pemilik tanah menghendaki anak syarikat entiti memulihkan tapak kuari dengan mengalihkan semua bangunan, membentuk semula tanah tersebut, dan menggantikan semula semua tanah atas kuari tersebut. 60% daripada kos akhir pemulihan adalah berkaitan dengan pengalihan bangunan kuari dan pemulihan tapak, manakala 40% kosnya adalah untuk pengeluaran kelikir. Pada tarikh pelaporan, bangunan kuari telah dibina, dan penggalian tapak telah bermula namun tiada kelikir dikeluarkan.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Pembinaan bangunan dan penggalian kuari mewujudkan obligasi undang-undang di bawah syarat perjanjian untuk mengalihkan bangunan tersebut dan memulihkan tapak, oleh itu, ia adalah peristiwa berobligasi. Walau bagaimanapun, pada tarikh pelaporan, tiada obligasi untuk memperbaiki kerosakan yang akan timbul akibat penggalian kelikir.

Terdapat kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian.

Anggaran boleh percaya bagi pemulihan tapak kuari boleh ditentukan.

Kesimpulan

Peruntukan diiktiraf untuk anggaran terbaik 60% daripada kos akhir yang berkaitan dengan pengalihan bangunan kuari dan pemulihan tapak (rujuk Seksyen 25.20). Kos ini termasuk dalam sebahagian daripada kos kuari. Jumlah sebanyak 40% yang timbul daripada pengeluaran kelikir diiktiraf sebagai liabiliti secara progresif apabila kelikir dikeluarkan.

Polisi Bayaran Balik

- PP8. Koperasi entiti beroperasi sebagai agensi pembelian pusat dan membenarkan orang awam membeli bekalan sekiranya terdapat lebihan. Ia mempunyai polisi bayaran balik kepada pelanggan yang tidak berpuas hati, walaupun tiada obligasi undang-undang untuk ia berbuat demikian. Polisi bayaran balik ini diketahui umum.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi masa lampau – Peristiwa berobligasi tersebut ialah jualan bekalan, yang menimbulkan obligasi konstruktif, kerana tindakan agensi tersebut telah mewujudkan jangkaan sah kepada pelanggannya bahawa agensi akan membayar balik pembelian.

Terdapat kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian bahawa sebahagian daripada barangan tersebut dikembalikan untuk mendapatkan bayaran balik (rujuk Seksyen 25.31).

Anggaran boleh percaya bagi pembayaran balik jualan bekalan boleh ditentukan.

Kesimpulan

Peruntukan diiktiraf bagi anggaran terbaik kos bayaran balik tersebut (rujuk Seksyen 25.16 (takrif obligasi konstruktif), Seksyen 25.20, Seksyen 25.23, dan Seksyen 25.31).

Penutupan Bahagian – Tiada Pelaksanaan sebelum Tarikh Pelaporan

- PP9. Pada 12 Disember 20X4, entiti memutuskan untuk menutup satu bahagian di sebuah agensinya. Keputusan tersebut tidak dimaklumkan kepada mana-mana pihak yang terbabit sebelum tarikh pelaporan (31 Disember 20X4), dan tiada langkah lain diambil untuk melaksanakan keputusan tersebut.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Tiada peristiwa berobligasi, oleh itu, tiada obligasi kini.

Tiada kemungkinan obligasi berlaku.

Kesimpulan

Tiada peruntukan diiktiraf (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.83).

Penggunaan Khidmat Luar bagi Bahagian – Pelaksanaan sebelum Tarikh Pelaporan

PP10. Pada 12 Disember 20X4, entiti memutuskan untuk menggunakan khidmat luar bagi salah satu bahagian di jabatannya. Pada 20 Disember 20X4, rancangan terperinci bagi menggunakan khidmat luar untuk bahagian tersebut telah dipersetujui oleh entiti, telah diedarkan kepada kakitangan di bahagian tersebut.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Peristiwa berobligasi tersebut ialah penyampaian keputusan tersebut kepada pekerja, yang menimbulkan obligasi konstruktif dari tarikh tersebut, kerana ia mewujudkan jangkaan sah bahawa bahagian tersebut akan menggunakan khidmat luar.

Terdapat kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian.

Anggaran boleh percaya bagi khidmat luar boleh ditentukan. Walau bagaimanapun, anggaran boleh percaya bagi penamatan pekerja masih belum boleh ditentukan.

Kesimpulan

Peruntukan diiktiraf pada 31 Disember 20X4 bagi anggaran terbaik kos menggunakan khidmat luar bagi bahagian tersebut dan entiti mendedahkan dalam liabiliti luar jangka bahawa penamatan pekerja akan berlaku disebabkan perancangan penstrukturan semula tersebut (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.83).

Keperluan Undang-undang bagi Memasang Penapis Udara

PP11. Di bawah undang-undang baharu, entiti dikehendaki memasang penapis udara bagi bangunannya menjelang 30 Jun 20X5. Entiti tersebut tidak memasang penapis udara tersebut.

Analisis

(a) Pada tarikh pelaporan 31 Disember 20X4

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Tiada obligasi kerana tiada peristiwa berobligasi sama ada bagi kos memasang penapis udara atau bagi denda di bawah undang-undang.

Tiada kemungkinan obligasi berlaku.

Kesimpulan

Tiada peruntukan diiktiraf bagi kos memasang penapis udara tersebut (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.23 – 25.25).

Analisis

(b) Pada tarikh pelaporan 31 Disember 20X5

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Masih tiada obligasi bagi kos memasang penapis udara tersebut kerana tiada peristiwa berobligasi telah berlaku (pemasangan penapis tersebut).

Aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian – Penilaian kebarangkalian menanggung denda dan penalti kerana ketidakpatuhan bergantung pada maklumat undang-undang dan ketatnya penguatkuasaannya. Walau bagaimanapun, obligasi mungkin timbul untuk membayar denda atau penalti di bawah undang-undang kerana peristiwa berobligasi telah berlaku (ketidakpatuhan bangunan tersebut).

Kesimpulan

Tiada peruntukan diiktiraf bagi kos memasang penapis udara tersebut. Walau bagaimanapun, apa-apa denda dan penalti yang berkemungkinan besar dikenakan hendaklah didedahkan (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.23 – 25.25).

Latihan Semula Kakitangan Akibat Perubahan dalam Tatacara Pengurusan Zakat

PP12. Entiti memperkenalkan beberapa perubahan dalam tatacara pengurusan zakat. Akibat perubahan ini, agensi zakat (entiti pelapor) dikehendaki melatih semula sebahagian besar kakitangannya di bahagian pentadbiran dan pematuhan untuk memastikan pematuhan berterusan terhadap peraturan perkhidmatan kewangan. Pada tarikh pelaporan, tiada latihan kakitangan telah dilaksanakan.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Tiada obligasi kerana tiada peristiwa berobligasi (latihan) telah berlaku.

Tiada kemungkinan obligasi berlaku.

Kesimpulan

Tiada peruntukan diiktiraf (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.23 – 25.25).

Kontrak Membebankan

PP13. Perkhidmatan dobi hotel dikendalikan di sebuah bangunan yang dipajak oleh hotel (entiti pelapor) di bawah pajakan. Pada Disember 20X4, perkhidmatan dobi tersebut ditempatkan semula ke sebuah bangunan baharu. Pajakan ke atas bangunan lama tersebut diteruskan selama empat tahun berikutnya; pajakan tersebut tidak boleh ditamatkan. Bangunan tersebut tiada kegunaan alternatif kepada pihak hotel dan ia tidak boleh disewakan kepada pengguna yang lain.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Peristiwa berobligasi tersebut ialah pengikatan kontrak pajakan tersebut, yang menimbulkan obligasi undang-undang.

Terdapat kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian, jika kontrak pajakan menjadi kontrak membebankan (Pihak hotel mengakaunkan pajakan tersebut mengikut Seksyen 16, Pajakan sehingga kontrak pajakan menjadi kontrak membebankan).

Anggaran boleh percaya bagi kontrak bangunan hotel boleh ditentukan.

Kesimpulan

Peruntukan diiktiraf bagi anggaran terbaik untuk bayaran pajakan yang tidak boleh dielakkan tersebut (rujuk Seksyen 25.11 (b), Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.76).

Jaminan Tunggal

PP14. Pada 20X4, entiti memberikan jaminan bagi pembiayaan tertentu kepada anak syarikatnya yang pada masa tersebut kedudukan kewangannya adalah kukuh. Pada 20X5, kedudukan kewangan anak syarikat merosot dan pada 30 Jun 20X5, anak syarikat tersebut memfailkan perlindungan daripada pemiutangnya.

Kontrak ini memenuhi takrif kontrak jaminan kewangan dalam Seksyen 26, Instrumen Kewangan, kecuali dalam hal pengeluar kontrak memilih untuk menganggap kontrak tersebut sebagai kontrak takaful sejajar dengan piawaian perakaunan antarabangsa atau nasional yang relevan yang berkenaan kontrak takaful. Analisis berikut adalah contoh dasar perakaunan yang memenuhi keperluan Seksyen 26, Instrumen Kewangan bagi kontrak jaminan kewangan yang termasuk dalam skop Seksyen 26, Instrumen Kewangan.

Analisis

(a) Pada 31 Disember 20X4

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Peristiwa berobligasi tersebut ialah pemberian jaminan tersebut, yang menimbulkan obligasi undang-undang.

Tiada kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian pada 31 Disember 20X4.

Kesimpulan

Jaminan tersebut diiktiraf pada nilai saksama.

Analisis

(b) Pada 31 Disember 20X5

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Peristiwa berobligasi tersebut ialah pemberian jaminan tersebut, yang menimbulkan obligasi undang-undang.

Aliran keluar yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian – Pada 31 Disember 20X5, wujud kebarangkalian bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

Kesimpulan

Jaminan tersebut diukur berikutnya pada nilai yang lebih tinggi:

- (a) anggaran terbaik obligasi tersebut (lihat Seksyen 25.20, Seksyen 25.30 dan Seksyen 25.115); dan
- (b) amaun yang pada awalnya diiktiraf tolak, jika wajar, pelunasan terkumpul mengikut Seksyen 18, Hasil daripada Transaksi Pertukaran.

Kes Mahkamah

PP15. Pada 30 September 20X4, entiti dan pemaju telah menandatangani perjanjian usaha sama untuk memajukan tanah milik entiti. Walau bagaimanapun, entiti menamatkan projek tersebut kerana terdapat isu tanah. Pemaju mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut ganti rugi daripada entiti tetapi entiti mempertikaikan liabiliti tersebut. Sehingga tarikh kebenaran mengeluarkan penyata kewangan bagi tahun sehingga 31 Disember 20X4, pihak peguam entiti menasihatkan bahawa terdapat kebarangkalian entiti tidak akan didapati bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, semasa entiti menyediakan penyata kewangan bagi tahun sehingga 31 Disember 20X5, pihak peguam entiti menasihatkan bahawa, disebabkan perkembangan dalam kes ini, terdapat kebarangkalian entiti akan didapati bertanggungjawab.

Analisis

(a) Pada 31 Disember 20X4

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Berdasarkan bukti yang ada semasa penyata kewangan tersebut diluluskan, tiada obligasi akibat peristiwa masa lampau.

Tiada kemungkinan obligasi berlaku.

Kesimpulan

Tiada peruntukan diiktiraf oleh entiti (rujuk Seksyen 25.21 dan Seksyen 25.22). Perkara ini didedahkan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kebarangkalian apa-apa aliran keluar dianggap sebagai terencil (Seksyen 25.107 dan Seksyen 25.115).

Analisis

(b) Pada 31 Disember 20X5

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau - Berdasarkan bukti yang ada, obligasi kini wujud.

Terdapat kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam penyelesaian.

Anggaran boleh percaya bagi kes mahkamah ini boleh ditentukan.

Kesimpulan

Peruntukan diiktiraf bagi anggaran terbaik amaun untuk menyelesaikan obligasi tersebut sekiranya anggaran boleh percaya dapat ditentukan. Walau bagaimanapun, sekiranya anggaran boleh percaya tidak dapat ditentukan, entiti hendaklah mendedahkan maklumat tersebut dalam liabiliti luar jangka (Seksyen 25.20 – 25.22 dan Seksyen 25.115).

Pembaikan dan Penyelenggaraan

PP16. Seseengah aset memerlukan, di samping penyelenggaraan rutin, perbelanjaan yang besar setiap beberapa tahun bagi pemasangan semula atau pembersihan besar-besaran dan bagi penggantian komponen utama. Seksyen 12, Hartanah, Loji dan Peralatan, memberikan panduan berkenaan dengan peruntukan perbelanjaan bagi aset mengikut bahagian komponennya yang mempunyai usia guna yang berbeza atau yang memberikan manfaat dengan cara yang berbeza.

Kos Pembersihan – Tiada Keperluan Undang-undang

PP17. Entiti perlu melaksanakan pemeriksaan terhadap sistem pengudaraan ekzos bagi kilang yang dipajak oleh entiti setiap dua tahun sekali atas sebab teknikal. Pada tarikh pelaporan, sistem pengudaraan ekzos tersebut telah digunakan selama setahun.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Tiada obligasi kini.

Kesimpulan

Tiada peruntukan diiktiraf (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.23 – 25.25).

Kos untuk melaksanakan pemeriksaan terhadap sistem pengudaraan ekzos tidak diiktiraf kerana, pada tarikh pelaporan, tiada obligasi untuk melaksanakan pemeriksaan tersebut yang wujud secara berasingan daripada tindakan masa hadapan entiti – malah hasrat untuk mengeluarkan perbelanjaan tersebut bergantung pada sama ada entiti membuat keputusan untuk terus menggunakan sistem pengudaraan ekzos sedia ada tersebut. Peruntukan tidak diiktiraf, sebaliknya, susut nilai sistem pengudaraan ekzos tersebut mengambil kira penggunaannya, iaitu ia akan susut nilai selepas sepuluh tahun.

Kos Pembersihan – Keperluan Undang-undang

PP18. Entiti perlu melaksanakan pemeriksaan terhadap sistem pengudaraan ekzos bagi kilang yang dipajak oleh entiti setiap dua tahun sekali selaras dengan garis panduan kilang yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Analisis

Obligasi kini akibat peristiwa berobligasi yang lampau – Tiada obligasi kini.

Kesimpulan

Tiada peruntukan diiktiraf (rujuk Seksyen 25.20 dan Seksyen 25.23 – 25.25).

Kos untuk melaksanakan pemeriksaan terhadap sistem pengudaraan ekzos tidak diiktiraf kerana, pada tarikh pelaporan, tiada obligasi untuk melaksanakan pemeriksaan tersebut yang wujud secara berasingan daripada tindakan masa hadapan entiti – malah hasrat untuk mengeluarkan perbelanjaan tersebut bergantung pada sama ada entiti membuat keputusan untuk terus menggunakan sistem pengudaraan ekzos sedia ada tersebut. Peruntukan tidak diiktiraf.

Pendedahan

Contoh pendedahan yang dikehendaki oleh Seksyen 25.105 diberikan di bawah.

Waranti

PP19. Suatu entiti yang bertanggungjawab bagi mengeluarkan peralatan mencari dan menyelamatkan mengeluarkan waranti kepada pembeli peralatannya pada masa jualan. Di bawah syarat waranti tersebut, entiti mengaku janji untuk membaiki atau menggantikan item yang gagal berfungsi dengan baik selama dua tahun dari tarikh jualannya. Pada tarikh pelaporan, peruntukan sebanyak RM60,000 telah diiktiraf. Peruntukan tersebut tidak didiskaunkan kerana kesan pendiskaunan tersebut tidak material. Oleh itu, maklumat berikut didedahkan:

Peruntukan sebanyak RM60,000 telah diiktiraf bagi tuntutan waranti yang dijangka ke atas barangan yang dijual sepanjang tiga tahun kewangan yang lepas. Sebahagian besar perbelanjaan ini dijangka akan ditanggung dalam tahun kewangan yang berikutnya, dan kesemuanya akan ditanggung dalam tempoh dua tahun dari tarikh pelaporan tersebut.

Dua contoh pendedahan yang dikehendaki oleh Seksyen 25.107 diberikan di bawah.

Harta Luqatah

PP20. Pada 20X4, entiti telah membuat hebahan bagi harta luqatah berjumlah RM2 juta. Setelah tamat tempoh hebahan, terdapat sejumlah 30 tuntutan telah dibuat yang berjumlah RM1.5 juta. Baki sebanyak RM500,000 telah diiktiraf oleh entiti pada tahun yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan aliran keluar sumber berlaku disebabkan oleh tuntutan daripada pemilik harta tersebut pada masa hadapan. Oleh itu, maklumat berikut didedahkan:

Liabiliti luar jangka

Sehingga 31 Disember 20X4, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) A telah menerima harta luqatah sebanyak RM2 juta. Harta tersebut telah diserahkan kepada MAIN A yang bertindak sebagai pemegang amanah tunggal di negeri A. Sebanyak RM1.5 juta tuntutan telah dibuat dan sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan, baki harta luqatah adalah sebanyak RM500,000.

Liabiliti Luar Jangka bagi Obligasi Pelaksanaan Aset Wakaf

PP21. Pada 1 Jun 20X3, entiti telah menerima sebidang tanah bernilai RM20 juta yang diwakafkan untuk dijadikan sebuah pusat pengajian Islam. Aliran keluar sumber bagi membina pusat pengajian Islam tersebut tidak dapat dianggarkan pada tarikh pelaporan, walau bagaimanapun, entiti mempunyai obligasi syariah untuk melaksanakan pembinaan tersebut.

PP22. Pada 1 September 20X4, entiti juga menerima sebidang tanah bernilai RM3 juta yang diwakafkan untuk dijadikan sebuah hotel wakaf. Aliran keluar sumber bagi membina hotel tersebut tidak dapat dianggarkan pada tarikh pelaporan, walau bagaimanapun, entiti mempunyai obligasi syariah untuk melaksanakan pembinaan tersebut.

Oleh itu, maklumat berikut didedahkan:

Sehingga 31 Disember 20X4, berikut merupakan aset-aset wakaf khas yang masih belum dibangunkan:

<i>Aset</i>	<i>Lokasi</i>	<i>Justifikasi</i>
<i>Tanah</i>	<i>Meru, Selangor</i>	<i>Tanah masih tidak dapat dibangunkan kerana dana pembangunan untuk tanah tersebut belum mencukupi.</i>

Aset Luar Jangka

PP23. Pada 2 Februari 20X3, tuntutan telah dibuat oleh entiti bagi sebuah syarikat pengendali hotel bagi pajakan dua premis hotel entiti bernilai RM50,000. Tuntutan menyatakan bahawa syarikat tersebut gagal membuat bayaran sewaan bagi kedua-dua premis tersebut. Kebarangkalian bagi entiti memenangi kes tersebut adalah tinggi dan jangkaan nilai pampasan yang akan diterima adalah sebanyak RM20,000. Oleh itu, maklumat berikut didedahkan:

Sehingga 31 Disember 20X3, entiti menjangkakan kes bagi tuntutan bayaran sewaan dua premis hotel bernilai RM50,000 akan berpihak kepada entiti. Entiti turut menjangkakan akan menerima pampasan sebanyak RM20,000 setelah keputusan mahkamah diperolehi.

Pengecualian Pendedahan

Contoh yang diberi di bawah berkenaan dengan pendedahan yang dikehendaki oleh Seksyen 25.109 apabila beberapa maklumat yang diperlukan tidak diberi kerana ia dijangka akan menyebabkan prasangka yang tidak baik terhadap kedudukan entiti.

PP24. Agensi penyelidikan entiti terlibat dalam pertikaian dengan sebuah syarikat, yang mendakwa bahawa agensi penyelidikan tersebut telah melanggar hak cipta penerbitan, dan syarikat tersebut menuntut ganti rugi sebanyak RM10 juta. Agensi penyelidikan tersebut mengiktiraf peruntukan bagi anggaran terbaiknya terhadap obligasi tersebut, tetapi tidak mendedahkan sebarang maklumat yang dikehendaki dalam Seksyen 25.104 dan Seksyen 25.105. Oleh itu, maklumat berikut didedahkan:

Proses litigasi sedang berlangsung terhadap agensi tentang pertikaian dengan sebuah syarikat yang mendakwa bahawa agensi telah melanggar paten, dan syarikat menuntut ganti rugi sebanyak RM10 juta. Maklumat yang lazimnya dikehendaki dalam Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka, tidak didedahkan, dengan alasan bahawa ia dijangka akan menyebabkan prasangka yang tidak baik terhadap keputusan litigasi tersebut. Lembaga pengarah berpendapat bahawa tuntutan tersebut boleh dipertahankan dengan jayanya oleh agensi tersebut.

Contoh Risiko dan Ketidakpastian

Contoh ini hanyalah lampiran dan bukan sebahagian daripada Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka.

Nilai Kini Peruntukan

Contoh berikut menunjukkan catatan jurnal yang dibuat pada pengiktirafan awal nilai kini peruntukan dan pengiktirafan berikutnya berkenaan dengan kenaikan dalam nilai kini peruntukan tersebut. Kenaikan dalam peruntukan tersebut diiktiraf sebagai caj pembiayaan (Seksyen 25.70).

- C1. Entiti membuat peruntukan bagi menyelesaikan bayaran balik kepada pelanggan. Nilai dijangka bagi peruntukan pada akhir tahun ke-5 ialah RM2000. Nilai dijangka ini tidak dilaraskan dengan risiko. Kadar diskaun yang wajar yang mengambil kira risiko berkaitan dengan aliran tunai ini telah dianggarkan pada 12%.
- C2. Catatan jurnal bagi merekodkan peruntukan dan perubahan dalam nilai peruntukan pada setiap tahun adalah seperti yang berikut:

Akhir tempoh pelaporan semasa:

Dt	Belanja	RM1,134.85	
Kt	Peruntukan		RM1,134.85

Akhir Tahun 1:

Dt	Belanja	RM136.18	
Kt	Peruntukan		RM136.18

Akhir Tahun 2:

Dt	Belanja	RM152.52	
Kt	Peruntukan		RM152.52

Akhir Tahun 3:

Dt	Belanja	RM170.83	
Kt	Peruntukan		RM170.83

Akhir Tahun 4:

Dt	Belanja	RM191.33	
Kt	Peruntukan		RM191.33

Akhir Tahun 5:

Dt	Belanja	RM214.29	
Kt	Peruntukan		RM214.29

Pengiraan:		Kenaikan
Tempoh semasa:	Nilai kini = $2000/(1.12)^5 = 1134.85$	
Akhir Tahun 1:	Nilai kini = $2000/(1.12)^4 = RM1,271.04$	RM136.18
Akhir Tahun 2:	Nilai kini = $2000/(1.12)^3 = RM1,423.56$	RM152.52
Akhir Tahun 3:	Nilai kini = $2000/(1.12)^2 = RM1,594.39$	RM170.83
Akhir Tahun 4:	Nilai kini = $2000/(1.12)^1 = RM1,785.71$	RM191.33
Akhir Tahun 5:	Nilai kini = $2000/(1.12)^0 = RM2,000.00$	RM214.29